

Zainul dilantik anggota lembaga pemegang amanah NTU



UNIVERSITI Teknologi Nanyang (NTU) telah melantik Encik Zainul Abidin Rasheed (*gambar*), bekas ahli politik yang kini seorang diplomat, sebagai anggota Lembaga Pemegang Amanah universiti itu mulai 1 April lalu.

NTU turut melantik semula Eksekutif Kanan Jurulatih Mobley Group Pacific, Cik Lien Siaou-Sze; dan Ketua Pegawai Eksekutif (Asia Pasifik) Trafigura Pte Ltd, Encik Tan Chin Hwee, sebagai anggota lembaga itu.

Sementara itu, Penasihat Kemampanan Golden Veroleum Liberia, yang juga pengasas bersama serta pengarah Intuitif Technologies Pte Ltd, Encik Alwi Abdul Hafiz; Pengerusi Kim Seng Holdings, Encik Tan Kim Seng; dan Timbalan Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pembangunan Negara, Brigadier-Jeneral (NS) Tan Meng Dui, meletak jawatan daripada lembaga tersebut pada 31 Mac.

Semasa berucap dalam majlis jamuan malam bagi tiga anggota yang meletak jawatan itu, pengerusi lembaga itu, Encik Koh Boon Hwee, melahirkan penghargaan NTU kepada mereka.

“Saya turut mengalu-alukan kehadiran Encik Zainul.

“Encik Zainul mempunyai pengalaman kepimpinan teguh dan komited terhadap pendidikan, maka saya yakin NTU akan meraih manfaat besar daripada bimbingan beliau dalam kami melalui perjalanan berterusan untuk berkembang dan berinovasi,” kata Encik Koh mengenai Duta (Tidak Bermastautin) ke Kuwait itu.

Lembaga Pemegang Amanah itu badan pentadbiran tertinggi universiti tersebut.

Ia terdiri daripada 16 anggota dan dipengerusikan Encik Koh, yang juga pengerusi firma ekuiti privey Credence Partners, mantan pengerusi syarikat penerbangan Singapore Airlines (SIA), bank DBS, dan Singapore Telecom Group (Singtel).